

MEMO DALAMAN
UNIT PENGURUSAN KAMSIS

KEPADA SEMUA PENGHUNI KAMSIS POLITEKNIK PORT DICKSON


Pelajar yang dikasihi,

MEMO PENDAFTARAN KELUAR KAMSIS SISI II: 2024/2025

1. Semua penghuni kamsis dibenarkan untuk mendaftar keluar (check-out) bermula pada tarikh 5 Mei hingga 30 Mei 2025.
2. Sila pastikan urusan dibuat pada hari bekerja dan waktu pejabat sahaja.
3. Sila baca dengan teliti semua prosedur seperti di dalam garis panduan yang dilampirkan sebelum menyerahkan perkara berikut ke Pejabat Pengurusan KAMSIS untuk proses pendaftaran keluar:
 - i) Kunci Bilik.
 - ii) Borang daftar Keluar KAMSIS yang telah diisi dan dicetak.
 - iii) Kad KAMSIS (sekiranya ada).
 - iv) Muatnaik gambar dalam bilik. Setiap gambar perlu ada tarikh dan masa terkini).
4. Pelajar tidak dibenarkan meninggalkan KAMSIS selepas jam 7.00 malam atas faktor keselamatan.
5. Pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas semasa berurusan di Pejabat Pengurusan KAMSIS.
6. Selamat menjalani peperiksaan akhir dan selamat bercuti dari Unit Pengurusan KAMSIS. Sentiasa berhati-hati sepanjang perjalanan pulang ke destinasi masing-masing.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih

Saya yang menjalankan amanah,


.....
(SYAMSURI BIN SAARI)
Ketua Unit Pengurusan KAMSIS
Politeknik Port Dickson

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN KELUAR KAMSIS

Pelajar perlu mematuhi prosedur berikut sebelum mendaftar keluar KAMSIS.

1. Pastikan susunatur perabot seperti dalam keadaan asal dan jika ada perabot rosak tetapi tiada dalam aduan kerosakan, kotor, berselerak dan tidak disusun dengan betul akan menyebabkan keputusan peperiksaan dalam **SPMP pelajar DISEKAT**.
2. Kipas dan tingkap perlu di lap dan bilik perlu dibersihkan.
3. Sekiranya berlaku kehilangan/kerosakan/kecacatan peralatan disebabkan vandallism, pelajar tersebut dan pelajar satu aras yang terlibat boleh dikenakan **tindakan disiplin**.
4. Pelajar dikehendaki untuk mengisi dengan lengkap **Borang Daftar Keluar Bilik Pelajar melalui sistem SPMP**. Borang ini perlu **dicetak dan dihantar ke** Pejabat Pengurusan KAMSIS.
5. Pelajar perlu **mengambil gambar bilik dan dimuatnaik ke <https://tinyurl.com/47zmyebv> mengikut blok atau aras yang betul. Gambar yang dimuatnaik mestilah menggunakan template di <https://tinyurl.com/5abs4d6x>**
6. Pelajar Perempuan perlu menghantar borang daftar keluar dan kunci bilik ke **Pejabat Pengurusan KAMSIS KKSR** manakala **pelajar lelaki di Pejabat Pengurusan KAMSIS A** pada hari **Isnin hingga Jumaat jam 9.00pagi - 4.00petang**.
7. Sebelum meninggalkan bilik, pastikan lampu, kipas, paip air, tingkap dan pintu bilik ditutup dan dikunci. Sampah sarap hendaklah dibuang ke dalam tong sampah. Semua barang barang peribadi hendaklah dibawa pulang bersama.
8. Pejabat Pengurusan KAMSIS tidak menyediakan tempat penyimpanan barang dan tidak akan bertanggungjawab terhadap kehilangan barangan peribadi selepas proses pendaftaran keluar selesai.
9. Jika Kunci Bilik dan Borang Daftar Keluar Asrama **tidak diterima** oleh pihak Pengurusan KAMSIS selepas tarikh akhir pendaftaran keluar asrama pada **30 Mei 2025 (Jumaat)**, keputusan peperiksaan di dalam SPMP pelajar akan **DISEKAT**.
10. Ibu, bapa dan penjaga **tidak dibenarkan** memasuki kawasan asrama dan bilik pelajar.